

# KULIAH ZOHOR

**“Apabila Berkuasa”**

**Masjid Maarof | 11 Mac 2020**

Muhammad Haniff Hassan

[ismhaniff@ntu.edu.sg](mailto:ismhaniff@ntu.edu.sg) / [www.haniff.sg](http://www.haniff.sg)

# Ayat Al-Quran

وَوَرِثَ سُلَيْمَانُ دَاوُودَ وَقَالَ يَا أَيُّهَا النَّاسُ عُلِّمْنَا مَنْطِقَ الطَّيْرِ وَأُوتِينَا مِنْ  
كُلِّ شَيْءٍ إِنَّ هَذَا لَهُوَ الْفَضْلُ الْمُبِينُ

وَحُشِرَ لِسُلَيْمَانَ جُنُودُهُ مِنَ الْجِنِّ وَالْإِنْسِ وَالطَّيْرِ فَهُمْ يُوزَعُونَ

حَتَّىٰ إِذَا اتَّوَا عَلَىٰ وَادِي النَّمْلِ قَالَتْ نَمْلَةٌ يَا أَيُّهَا النَّمْلُ ادْخُلُوا مَسَاكِنَكُمْ  
لَا يَحِطَمَنَّكُمْ سُلَيْمَانُ وَجُنُودُهُ وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ

فَتَبَسَّمَ ضَاحِكًا مِّنْ قَوْلِهَا وَقَالَ رَبِّ أَوْزِعْنِي أَنْ أَشْكُرَ نِعْمَتِكَ الَّتِي أَنْعَمْتَ  
عَلَيَّ وَعَلَىٰ وَالِدَيَّ وَأَنْ أَعْمَلَ صَالِحًا تَرْضَاهُ وَأَدْخِلْنِي بِرَحْمَتِكَ فِي عِبَادِكَ  
الصَّالِحِينَ

“Dan Sulaiman telah mewarisi Daud dan dia berkata 'Hai manusia kami telah diberi pengertian tentang ucapan burung dan kami diberi segala sesuatu.

Sesungguhnya (semua) ini benar-benar satu kurnia yang nyata'. Dan dihimpunkan untuk Sulaiman tentaranya dari Jin, manusia dan burung. Lalu mereka itu diatur dengan tertib (dalam barisan).

Hingga apabila mereka sampai di lembah semut, berkatalah seekor semut 'Hai semut-semut, masuklah ke dalam sarang-sarangmu, agar kamu tidak diinjak oleh Sulaiman dan tentaranya, sedangkan mereka tidak menyedari'.

Maka tersenyum dia sambil tertawa kerana (mendengar) perkataan semut itu. Dan dia berdoa 'Ya Tuhanku, berilah aku ilham untuk tetap mensyukuri nikmatMu yang telah engkau anugerah kepadaku dan kepada dua orang ibu bapaku dan untuk mengerjakan amal soleh yang engkau redhai, dan masukkanlah aku dengan rahmatMu ke dalam golongan hamba-hambaMu yang soleh.'" (Al-Naml: 15 - 19)

# Pengajaran

1. Sulaiman a.s adalah seorang nabi yang dikurniakan oleh Allah taala dengan kerajaan dan kekuasaan yang amat hebat
  - tiada seorang raja sesudahnya yang mempunyai kerajaan yang seperti itu
  - menguasai manusia, binatang dan alam e.g angin.
2. Kepentingan disiplin yang tinggi
  - “Lalu mereka itu diatur dengan tertib (dalam barisan)” (Al-Naml: 16)

3. Penekanan terhadap disiplin dapat juga dilihat dalam kisah Sulaiman a.s dan hud-hud
  - hud-hud diancam hukuman yang berat kerana ghaib tanpa izin
  
4. Tawaduk dan bersyukur apabila diberi kuasa
  - Sulaiman a.s mengaitkannya dengan kurniaan Allah taala, bukan sesuatu dari usaha sendiri
  - jangan bermunajat kepada Allah taala agar diberi kemenangan dan kekuasaan bila susah, tapi apabila telah mendapat kurniaanNya, anggap segala-galanya adalah hasil susah payahnya
  - kekalkan hubungan yang rapat dan baik dengan Allah taala melalui munajat dan doa yang berterusan.

5. Jangan angkuh pada yang kecil
  - Sulaiman a.s tidak menyepak semut-semut di jalan kerana ia binatang yang kecil
  - apabila besar dan berkuasa, jangan lupa pada yang kecil, jangan membuli yang kecil dan jangan pula tidak mengendahkan yang kecil kerana saiznya
  - hendaklah berlaku ihsan, membantu mereka agar dapat membesar atau paling kurang membiarkan mereka sahaja tanpa menyebabkan kemudaratan ke atas mereka
  - walau pun semut kecil, ia sebahagian dari alam ini, mempunyai peranan dalam eko-sistem alam, kemusnahannya akan merosakkan persekitaran yang akan memudaratkan yang besar juga
  - jangan, semasa kecil sibuk menumpang budi yang besar, tapi lupa akan yang kecil apabila sudah besar

6. Sulaiman a.s. tidak lupa jasa ibu bapanya, setelah berkuasa
  - apabila berkuasa jangan lupa jasa mereka yang telah menyumbang kepada kejayaan, samada individu atau kumpulan yang lain yang telah membantu
  
7. Sulaiman a.s. tidak lupa akan misi asal, setelah berkuasa
  - mencari keredaan Allah taala dan melakukan amal soleh
  - misi utama Muslim ialah untuk mendapat keredaan dan melakukan amal soleh bukan berkuasa semata-mata
  - kuasa hanya jalan bagi mendapat keredaan dan melakukan amal soleh



# KULIAH ZOHOR

**“Tiga Prinsip Khidmat Dakwah Yang Cemerlang”**

**Masjid Maarof | 11 Mac 2020**

Muhammad Haniff Hassan

[ismhaniff@ntu.edu.sg](mailto:ismhaniff@ntu.edu.sg) / [www.haniff.sg](http://www.haniff.sg)

# Ayat Al-Quran

ادْفَعْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ فَإِذَا الَّذِي بَيْنَكَ وَبَيْنَهُ عَدَاوَةٌ كَأَنَّهُ وَلِيٌّ حَمِيمٌ

“...tolaklah perbuatan buruk mereka dengan yang lebih baik.  
Kami lebih mengetahui apa yang mereka sifatkan.” (Fussilat: 96)

# Pengajaran

1. Prinsip pertama (yang tersurat), membalas sikap buruk pelanggan dengan layanan yang baik
2. Prinsip kedua (yang tersirat), memberi layanan yang lebih baik kepada pelanggan yang baik
  - jika kita dianjurkan membalas keburukan dengan kebaikan, membalas kebaikan dengan kebaikan yang lebih, lebih dianjurkan
  - ada hadis anjur membayar hutang dengan bayaran yang lebih secara sukarela, “Sesungguhnya sebaik-baik manusia adalah yang paling baik dalam membayar hutangnya.”  
(Riwayat Muslim)

3. Prinsip ketiga (tersirat), memberi layanan yang baik kepada pelanggan apabila kita telah melakukan kesalahan kepadanya
  - jika dianjurkan untuk membalas keburukan orang lain dengan kebaikan, lebih utama untuk melakukan kebaikan kepada orang yang telah dilakukan kesalahan kepadanya
  - dikenali dengan service recovery.